

Praktis Sumatif 5

Berdasarkan iklan di bawah, lengkapkan huraian tentang kerjaya sebagai wartawan dengan penanda wacana yang sesuai.

B4DT1E1

Penuhi impian kewartawanan anda di MEDIA PELANGI



MEDIA PELANGI BERHAD, sebuah syarikat penerbitan akhbar yang berpengaruh, mempelawa calon-calon yang berkeelayakan untuk memohon jawatan seperti yang tersenarai di atas.

Hantarkan permohonan anda kepada:
Pengurus Besar, Sumber Manusia,
MEDIA PELANGI BERHAD,
Lot 8, Jalan P10/10,
Kawasan Perusahaan Bangi,
Bandar Baru Bangi,
43650 Bangi,
Selangor Darul Ehsan.
(u.p.: Unit Pengambilan Kakitangan)

Sila catatkan jawatan yang dipohon di bahagian atas kiri sampul surat.
Hanya calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk temu duga.
ATAU
e-mel permohonan anda kepada
wong@mediapelangi.com.my

Wartawan menulis atau melaporkan peristiwa atau isu penting. Tugas mereka menuntut masa dan pengorbanan yang tinggi. _____, kerjaya ini sememangnya menarik dan mencabar.

Wartawan berpeluang bertemu dengan pelbagai golongan masyarakat. Mereka juga sering berhadapan dengan pelbagai peristiwa menarik. _____ menambahkan pengetahuan dan pengalaman kepada wartawan.

Wartawan perlu bijak berkomunikasi. Mereka juga perlu menguasai bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. _____, wartawan seharusnya berbakat dan kreatif dalam penulisan serta peka akan perkembangan semasa.

_____, banyak kursus kewartawanan ditawarkan oleh universiti dalam dan luar negara. Kewujudan pelbagai media massa juga menggalakkan perkembangan kerjaya ini. _____, individu yang berminat perlu merebut peluang ini.

Kerjaya wartawan amat penting dalam kehidupan kita. _____, wartawan harus cekap, tepat, dan adil dalam laporan berita demi menjaga integritinya.